

NO. SOALAN: 529

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA**  
**PARLIMEN KE-13 (2017)**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN KHOO SOO SEANG**  
**[TEBRAU]**

**TARIKH : 4 APRIL 2017 (SELASA)**

**SOALAN :**

**Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah usaha Kerajaan bekerjasama dengan Kementerian Lain dalam menggunakan teknologi “blockchain” dalam menyelesaikan isu-isu nasional dan membantu dalam penggubalan dasar seperti mencegah penyeludupan manusia dan sebagainya.

**JAWAPAN : YB DATUK JOSEPH ENTULU BELAUN**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

**Tuan Yang di-Pertua,**

“Blockchain” merupakan teknologi penghubung antara satu pangkalan data ke pangkalan data yang lain tanpa menggunakan sebarang perantaraan atau *intermediary* dan mempunyai ciri-ciri keselamatan yang tinggi seperti penyulitan yang kukuh (strong encryption).

Perkembangan teknologi “blockchain” memerlukan pelaksanaan kajian terperinci ke atas rangka kerja dasar dan pengawalseliaan bagi menangani isu

perlindungan pengguna dan amalan pasaran serta kesan teknologi terhadap pasaran tempatan. Inovasi yang diwujudkan melalui teknologi “blockchain” pula perlu memberi faedah yang jelas kepada Kerajaan, industri dan orang ramai.

Pada masa kini, teknologi ini masih di tahap eksplorasi dan ini bermakna adalah tepat pada masanya bagi pembangunan aplikasi menggunakan teknologi “blockchain” serta membina infrastruktur perniagaan dan perkhidmatan bagi menyokong penggunaannya dalam menyelesaikan isu-isu nasional dan membantu dalam penggubalan dasar Kerajaan. Antara aplikasi “blockchain” adalah pelaksanaan pembayaran dengan lebih cepat, murah dan telus oleh institusi kewangan; jaminan perlindungan kekayaan intelektual untuk produk kreatif digital seperti muzik dan gambar; dan pengelolaan pengenalan digital (*digital identity*) yang lebih berkesan yang antara lain boleh membantu mencegah penyeludupan manusia.

“Blockchain” juga menjanjikan penyelesaian kepada masalah berkaitan pentadbiran dan pengurusan kontrak, transaksi, perkongsian data/maklumat dalam/di antara organisasi. Buat masa ini, bagi meningkatkan perkongsian maklumat antara agensi, Kerajaan melalui MAMPU memperkenalkan kemudahan Hab Perkongsian Maklumat Kerajaan (HPMK) yang menyediakan platform bagi membolehkan agensi Kerajaan berkongsi maklumat secara lebih terselaras, berkesan, sistematik dan selamat.

Kerajaan sentiasa menggalakkan penggunaan teknologi baharu demi meningkatkan tahap keberkesanan pengurusan dan penyampaian perkhidmatan kepada rakyat. Kerajaan juga peka terhadap kesan dan impak teknologi baharu seperti “blockchain” ke atas kedudukan daya saing negara di persada antarabangsa.

Sekian, terima kasih.